



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : anhisham@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Operasi Penguatkuasaan Kebangsaan
Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Siri 10/2013 -
Larangan Merokok Di Pejabat Swasta Berhawa Dingin Berpusat

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima banyak aduan terhadap perokok yang merokok di pejabat-pejabat swasta yang berhawa dingin, justeru itu KKM telah melancarkan operasi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 Peringkat Kebangsaan kali ke 10 tahun ini pada 29 Oktober 2013 untuk menangani aduan-aduan tersebut serta bagi tujuan melindungi warga kerja daripada bahaya pendedahan kepada asap rokok basi (*secondhand tobacco smoke*). Operasi kali ini memberi fokus kepada **larangan merokok di dalam mana-mana pejabat swasta (tempat kerja) berhawa dingin berpusat** seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 11(1)(u), PPKHT 2004.

Daripada jumlah **648** buah tempat kerja yang berhawa dingin berpusat yang telah diperiksa di seluruh negara di dalam operasi ini, sebanyak **223** buah adalah merupakan pejabat swasta pelbagai urusan yang berhawa dingin. Daripada itu, **hanya seorang (1) awam** sahaja yang didapati merokok di dalam pejabat swasta berhawa dingin dan beliau telah dikompau dengan RM 250 kerana melakukan kesalahan di bawah peraturan ini. Di samping itu, seramai **9 orang tuan punya pejabat swasta** telah juga dikompau kerana tidak mempamerkan tanda larangan merokok di dalam pejabat mereka seperti yang diwajibkan di bawah PPKHT 2004, mereka ini dikenakan kompaun minimum **RM 250.00** setiap seorang dan jumlah nilai kompaun yang telah dikenakan di bawah kesalahan ini adalah sebanyak **RM 2,250.00**.

Kementerian Kesihatan Malaysia berterima kasih kepada semua warga kerja di atas kerjasama yang diberikan untuk tidak merokok di tempat kerja berhawa dingin. KKM juga memberi amaran keras kepada mana-mana perokok agar mematuhi larangan merokok di dalam mana-mana tempat kerja berhawa dingin. KKM ingin mengingatkan orang ramai bahawa kawasan yang dilarang merokok adalah merangkumi semua kawasan di dalam tempat kerja berhawa dingin dan termasuk juga keseluruhan kawasan di bawah kawasan litupan bumbung kekal bagi bangunan tempat kerja berkenaan termasuk kawasan kaki lima bagi bangunan yang berkenaan.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneruskan operasi penguatkuasaan **larangan merokok di pejabat swasta atau tempat kerja berhawa dingin berpusat** secara berkala bagi melindungi warga kerja daripada bahaya pendedahan kepada asap rokok basi (*secondhand tobacco smoke*). Kepada mereka yang ingin berhenti merokok, bolehlah mendapatkan perkhidmatan berhenti merokok di klinik-klinik kesihatan atau hospital Kerajaan yang berdekatan dan kepada warga kerja yang ingin melaporkan aduan kejadian merokok di tempat kerja bolehlah menghubungi No. Infoline 03-88834400.

Sukacita saya menyeru kerjasama semua pihak agar kita bersama-sama berusaha ke arah satu masyarakat sihat yang bebas asap rokok.

Sekian, terima kasih



(**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**)
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

19 November 2013